

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK B. SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN : 55**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan cadangan penambahbaikan penjara oleh SUHAKAM yang tidak dilaksanakan oleh Kerajaan. Mohon dinyatakan alasan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SUHAKAM dari masa ke semasa membuat lawatan dan pemeriksaan ke atas institusi penjara, dan hasil dapatan akan dikemukakan kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk tujuan penambahbaikan. Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bagi tahun 2018, pihak SUHAKAM telah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan melalui pemerhatian di beberapa institusi penjara. Antara cadangan tersebut adalah:

- i. penggantian penggunaan sistem kumbahan *bucket* di 8 buah penjara kepada sistem tandas;
- ii. pembinaan penjara baru bagi mengurangkan kesesakan di institusi penjara; dan
- iii. menambahkan jumlah perjawatan di Jabatan Penjara Malaysia.

Berikutan dengan teguran dan syor daripada SUHAKAM, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan beberapa penambahbaikan. Antara langkah penambahbaikan secara berterusan yang telah diambil tindakan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah seperti berikut:

## SOALAN NO : 55

- i. Bagi cadangan penggantian kaedah sisa kumbahan bucket sistem kepada sistem tandas moden di 8 buah penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil tindakan dengan membuat kajian dan penelitian bersama JKR. Hasil kajian dan penelitian mendapati:
- 3 buah penjara sahaja yang sesuai di naik taraf iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Penjara Pengkalan Chepa dan Penjara Seremban. Permohonan peruntukan menaiktaraf dan penggantian dianggarkan sebanyak RM 6,012,580.00 telah dikemukakan kepada pihak EPU untuk kelulusan;
  - Manakala 3 lagi buah penjara iaitu Penjara Taiping, Penjara Pulau Pinang dan Pusat Pemulihan Akhlak Muar, tidak sesuai untuk dinaiktaraf disebabkan struktur bangunan yang lama dan tidak selamat untuk diubahsuai; dan
  - 2 buah penjara lagi iaitu Penjara Alor Setar dan Penjara Penor telah di naiktaraf kepada sistem tandas moden.
- ii. Bagi syor pembinaan penjara baru sebagai kaedah mengurangkan kesesakan di institusi penjara, adalah dimaklumkan tiada perancangan pembinaan institusi penjara baru buat masa kini. Dasar Kemnterian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia adalah untuk melaksanakan pemulihan dalam masyarakat, dimana 2/3 banduan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara. Antara langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan penjara Malaysia dalam menangani isu kesesakan adalah:
- Pelaksanaan Sistem Parol sejak tahun 2008, dimana seramai 24,993 Orang DiParol (ODP) telah berjaya mengikuti program ini sejak diperkenalkan. Bagi tahun semasa, seramai 1,142 sedang menjalani program di luar tembok ini;
  - Selain itu, Perintah Kehadiran Wajib (PKW) juga telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dan seramai 4,348 pesalah

## SOALAN NO : 55

telah berjaya menjalani PKW dan seramai 110 pesalah sedang menjalani PKW bagi tahun ini;

- Pewujudan Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) juga merupakan salah satu langkah dalam mengurangkan kesesakan di penjara. Langkah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2012 melalui kolaborasi strategik bersama Kementerian Pertahanan. Rekod menunjukkan Orang DiSelia (ODS) yang telah berjaya menamatkan program di PRP adalah seramai 7,283 orang dan seramai 593 ODS masih sedang mengikuti program di PRP;
- Selain PRP, Jabatan Penjara Malaysia juga telah memperkenalkan Pusat Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) mulai tahun 2018, dimana seramai 18 ODS sedang menjalani program ini; dan
- Inisiatif terbaru adalah cadangan pelaksanaan *Probation And Community Correction*, iaitu satu kaedah hukuman alternatif selain pemenjaraan, yang mana turut melibatkan masyarakat di luar penjara adalah lebih berkesan berbanding pesalah menjalani hukuman sepenuhnya di dalam penjara. Syor Jawatankuasa bagi inisiatif ini kini didalam penelitian pihak Ketua Hakim Negara bersama Jabatan Peguam Negara.

Terdapat 6 cadangan pelaksanaan dibawah inisiatif ini, yang meliputi:

- a. Cadangan Pemerluasan Pelaksanaan Akta Kehadiran Wajib;
- b. Cadangan Pemerluasan Pelaksanaan Penangguhan hukuman (*diferred sentences*);
- c. Cadangan Pelaksanaan Hukuman Baru bagi Tahanan Rumah;
- d. Cadangan Pelaksanaan Perintah Koreksional;
- e. Cadangan Pelaksanaan Program Pra Bebas; dan
- f. Cadangan Pelaksanaan Perintah Pengawasan (*prison supervision*).

**SOALAN NO : 55**

- iii. Syor SUHAKAM dalam menambahkan jumlah perjawatan di Jabatan Penjara Malaysia merupakan agenda yang sentiasa dibincangkan di antara pihak Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sehingga 28 Februari 2019, perjawatan anggota beruniform adalah sebanyak 15,081 berdasarkan kepada jumlah kapasiti 52,000 banduan.

<b>KEDUDUKAN PERJAWATAN ANGGOTA BERUNIFORM DAN AWAM DI JABATAN PENJARA MALAYSIA SAHAJA SEHINGGA 28 FEBRUARI 2019</b>			
	<b>P</b>	<b>I</b>	<b>K</b>
PERJAWATAN ANGGOTA BERUNIFORM	<b>15081</b>	<b>14376</b>	<b>705</b>
PERJAWATAN AWAM	<b>1809</b>	<b>1622</b>	<b>187</b>
<b>JUMLAH BESAR (JABATAN PENJARA)</b>	<b>16890</b>	<b>15998</b>	<b>892</b>

Usaha penambahbaikan dari segi penambahan jawatan serta skim perkhidmatan Jabatan Penjara Malaysia akan diteruskan memandangkan wujud pertambahan beban kerja, risiko serta kompleksiti tugas yang dilaksanakan.